

### **Media Monitoring**

Publication: **Berita Harian – Online**

Circulation/Audience: **231,163**

Date: **3 December 2007**

Reference: **Monsoon Cup**

Headline: **Piala Monsun penanda aras peringkat global**

*(Page: 1 of 3)*

## **Piala Monsun penanda**

**Oleh Zulkofli Jamaludin, Shaarani Ismail dan Hamid Salleh**



**JUARA: Abdullah bersama Idris selepas menyampaikan hadiah kemenangan kepada Ian Williams mewakili Pasukan Pindar yang menjadi juara Piala Monsun 2007.**

### **Penganjuran, kemudahan disedia capai kejayaan besar: Abdullah**

KUALA TERENGGANU: Kejohanan Kapal Layar Piala Monsun di Pulau Duyong, di sini, yang berakhir semalam kini menjadi penanda aras kepada penganjuran sukan berkenaan pada peringkat dunia, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri berkata, Naib Presiden Persekutuan Pelayaran Antarabangsa, David Kellett memberitahunya bahawa penganjuran dan kemudahan yang disediakan di Piala Monsun memenuhi penanda aras yang cukup tinggi.

"Pulau Duyong menunjukkan kemajuan dalam penganjuran Piala Monsun dan (Kejohanan Kapal Layar Jelajah) World Match Racing (2006/2007) serta sudah mendapat anugerah acara terbaik.

"Daripada kemudahan dan peraturan, semuanya menunjukkan kejayaan yang amat besar, termasuk bagi acara lain yang diadakan," katanya pada sidang media selepas menyampaikan hadiah kepada pemenang Kejohanan Kapal Layar Piala Monsun, semalam.

### **Media Monitoring**

Publication: **Berita Harian – Online**

Circulation/Audience: **231,163**

Date: **3 December 2007**

Reference: **Monsoon Cup**

Headline: **Piala Monsun penanda aras peringkat global**

(Page: 2 of 3)

Tempat pertama dimenangi Ian Williams dari England mewakili Pasukan Pindar, yang membawa pulang hadiah RM250,000 dan kedua Datuk Peter Gilmour, Australia dari Pasukan Pelayaran Pizzala (PST), yang menerima hadiah RM150,000.

Turut menyaksikan pertandingan berprestij itu ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Jeanne Abdullah; Menteri Besar, Datuk Seri Idris Jusoh dan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Seri Azalina Othman Said.

Perdana Menteri berkata, beliau yakin kejohanan Piala Monsun tahun depan akan lebih berjaya dan mampu menarik lebih banyak pelancong serta pelaburan ke Terengganu yang tidak pernah dimimpikan sebelum ini.

"Tahun ini lebih baik daripada tahun lalu. Dalam masa dua tahun setengah ini, nama Piala Monsun ini sudah dikenali di seluruh dunia.

"Pujian semakin bertambah di samping kita lihat ada kegiatan sampingan dan pelaburan di Terengganu terutama di kawasan berdekatan Pulau Duyong," katanya.

Perdana Menteri berkata, pelaburan itu adalah maklum balas yang baik dan boleh dianggap sebagai keuntungan sampingan yang diperoleh disebabkan nama Pulau Duyong harum dan semakin dikenali dengan adanya Piala Monsun.

"Tadi saya menyaksikan upacara menandatangani perjanjian antara syarikat tempatan (Destini Marine Sdn Bhd) dan syarikat Belanda (Conoship International BV) untuk membina kapal persiaran mewah bagi pasaran Eropah," katanya.

Beliau berkata, pelaburan itu akan menyaksikan Terengganu khususnya Pulau Duyong lebih membangun sama seperti kawasan lain dalam Koridor Pembangunan Pantai Timur (ECER).

Abdullah berkata, orang tempatan semakin ramai menyaksikan pertandingan itu dan bazar yang diwujudkan menjual 100 peratus hasil kerja tangan penduduk tempatan.

"Kelmarin, pagi-pagi lagi ada orang membeli songket di bazar (lokasi Piala Monsun) dan ini adalah produk tempatan yang tinggi mutunya. Ada penjual menjual buah rotan berperisa coklat dan strawberi pula meraih jualan RM1,000 sehari sepanjang kejohanan ini," katanya.

Sementara itu, ketika berucap pada majlis Makan Tengah Hari Komodor sempena Kejohanan Piala Monsun, Perdana Menteri meminta Azalina memastikan pembinaan Akademi Pelayaran di Pulau Duyong siap sebelum kejohanan tahun depan.

"Akademi ini adalah antara kemudahan disediakan untuk melatih pelayar muda," katanya.

Mengulas mengenai pembinaan akademi itu, Azalina berkata, kursus pelayaran yang ditawarkan akademi itu akan diadakan sementara di The Heritage Bay Club Marina dan Resort Pulau Duyong.

**Media Monitoring**

Publication: **Berita Harian – Online**

Circulation/Audience: **231,163**

Date: **3 December 2007**

Reference: **Monsoon Cup**

Headline: **Piala Monsun penanda aras peringkat global**

(Page: 3 of 3)

"Saya berharap akademi ini akan menyediakan kemudahan lengkap dan menetapkan yuran yang tidak terlalu mahal dan mampu disertai oleh mereka yang berminat dalam sukan pelayaran terutama generasi muda," katanya.